

ECRL mampu tangani kesesakan ke pantai timur musim perayaan

Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my



WEE bersalam dengan Onn Hafiz ketika mengunjungi Majlis Rumah Terbuka Aidilfitriinya di Saujana hari ini.

Johor Bahru: Masalah kesesakan jalan raya ke pantai timur yang meruncing dijangka dapat ditangani apabila Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) siap dalam tempoh empat tahun.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata aliran trafik bertambah berbanding normal pada kali ini berikutan peralihan ke fasa endemik serta pembukaan sempadan antara bangsa.

Beliau berkata, tol percuma dilihat menerima sambutan baik daripada orang ramai yang mengambil peluang pulang ke kampung halaman ketika ini.

"Kita yakin projek ECRL yang dijangka siap penghujung 2026 mampu menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya ke pantai timur serta bakal menjimatkan masa perjalanan ke wilayah berkenaan ke empat jam berbanding tujuh jam ketika ini.

"Ketika ini, pengguna jalan raya terpaksa berdepan kesesakan ketika balik ke pantai timur kerana bersandarkan hanya satu laluan utama sahaja dan ia memang jauh.

"Ia mungkin dapat diselesaikan dengan pembinaan ECRL dan perjalanan lebih singkat. Misalnya mereka yang mahu ke Wilayah berkenaan hanya memerlukan empat jam sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian di sidang media ketika hadir ke Majlis Rumah Terbuka Menteri Besar Johor Datuk Onn Hafiz Ghazi di Saujana di sini, hari ini.

Projek ECRL membabitkan jarak keseluruhan 665km, memiliki 59 terowong dan merentasi empat negeri iaitu Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan serta dianggarkan bernilai RM50.27 bilion.

Sementara itu, Wee berkata, walaupun hampir setiap laluan utama berlaku kesesakan lalu lintas, namun sehingga kini tiada kemalangan dahsyat direkodkan.

Beliau berkata, pihaknya berharap kesedaran pengguna jalan raya berkaitan aspek pemanduan berhemah dan keselamatan semakin meningkat kerana ia mampu membendung kes kemalangan.

"Kita menukar strategi dan tidak sewenang-wenangnya membuat sekatan jalan raya, selain kempen jalan raya, sekatan kenderaan berat menggunakan lebuh raya bagi tempoh tertentu juga dilaksanakan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya.

"Kami menasihati pengguna jalan raya yang mencabar peraturan di jalan raya," katanya.

Disiarkan pada: Mei 3, 2022 @ 3:39pm